

# 137 butir telur penyu ditemukan

**PORT DICKSON:** Sebanyak 137 butir telur penyu dijumpai di Pantai Tanjung Gemuk di sini pagi semalam.

Penyelia sambilan di Pusat pemuliharaan dan Penetasan Penyu, Glory Beach Resort, Hishamudin Abdul Manap berkata, kesemua telur penyu tersebut ditemuinya kira-kira pukul 7 pagi ketika mengadakan pemantauan rutin di pantai tersebut,

“Saya telah menggali lubang dan menghantar telur berkenaan ke Pusat Penetasan penyu di Glory Beach Resort, Port Dickson. Ia dijangka mengambil masa dalam tempoh 50 hingga 60 hari untuk menetas,” katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Hishamudin berkata, pada Mei hingga November merupakan tempoh penyu akan mula naik dan bertelur di sekitar pantai di Port Dickson.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan orang ramai yang menjumpai telur penyu di sekitar pantai di sini supaya segera memaklumkan kepada pihak bertanggungjawab den-

400 16/5/2021  
ms, 80



Orang ramai juga diingatkan supaya lebih prihatin dengan tidak mengganggu penyu terutama jika menemuinya sedang naik ke pantai untuk bertelur.”

**HISHAMUDIN ABDUL MANAP**

gan segera.

“Orang ramai juga diingatkan supaya lebih prihatin dengan tidak mengganggu penyu terutama jika menemuinya sedang naik ke pantai untuk bertelur.

“Mana-mana pihak yang menjumpai penyu dan telur penyu boleh menghubungi saya di nombor 011-11841224,” katanya.